

# 20 Naib Canselor IPTA berkumpul di UMP <sup>31/8/2016</sup> m/s 40

(CALAM AKADEMIK)

**PEKAN 30 Ogos** - Seramai 20 naib canselor dan rektor universiti awam dari seluruh negara berkumpul di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di sini baru-baru ini bagi menghadiri mesyuarat Jawatan Kuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) yang menyaksikan mereka mengikuti pelbagai aktiviti khas termasuk 'Royal Town Tour'.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir berkata, institusi pengajian tinggi berkenaan berbesar hati menerima kunjungan mereka dan wakil Kementerian Pendidikan Tinggi serta pegawai-pegawai universiti dari seluruh negara bagi penganjuran kali ini.

"Kunjungan istimewa kali ini memberi peluang pada mereka menyertai Royal Town Tour bagi melihat keindahan sekitar Pekan Bandar Diraja dengan menyusuri Sungai Pahang selain menikmati makanan popular negeri ini seperti puding raja,

opor daging, murtabak dan tembosa raja," katanya di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin merangkap Pengerusi JKNCR dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Menurut Daing Nasir, sebagai simbolik perhimpunan itu, sebanyak 30 pokok chengal, meranti, gaharu, tualang dan kelompok burung ditanam di Rimbunan Cendekia berdekatan Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak di institusi pengajian tinggi tersebut.

Katanya, selain dapat menghidupkan kampus, ia juga melambangkan tanda penyatuan semua golongan cendekiawan dalam menyuburkan bidang pendidikan yang selaras dengan penggunaan slogan Pendidikan Malaysia Melonjak Tinggi.

"Mesyuarat Jawatankuasa Malaysian Research University Network (MRUN) dan Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) turut dijalankan," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, seramai 2,153 mahasiswa baharu ditawarkan tempat bagi mengikuti 25 program pengajian lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf bagi sesi akademik 2016/2017 di UMP Ahad lalu.

Daripada jumlah tersebut, kata beliau, seramai 1,257 adalah wanita dengan mengikuti 25 program yang ditawarkan di kampus Gambang dan Pekan.

Kata beliau, mahasiswa baharu yang mendaftar masuk ke universiti itu berpeluang memohon biasiswa UMP yang pertama kali diperkenalkan pada tahun ini menerusi dana MyGift.